



**PEJABAT KPLB NEGERI JOHOR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR MALAYSIA**

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut Harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor-Kontraktor yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dan mempunyai **Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera** daripada Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) dalam Gred kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut :

BIL	BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	SYARAT KELAYAKAN	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH DAN TEMPAT PENGAMBILAN SEBUT HARGA	TARIKH DAN TEMPAT TUTUP SEBUT HARGA
1.	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH BALAIRAYA KAMPUNG PARIT KASSIM, TANGKAK, JOHOR. KPLB.SH.423/2019/JHR34	BPKU : <ul style="list-style-type: none"> TARAF BUMIPUTERA LPIPM/CIDB : <ul style="list-style-type: none"> GRED G1 DAERAH TANGKAK PENGKHUSUSAN : <ul style="list-style-type: none"> B04; DAN B24 	24 JUN 2019 (ISNIN) MASA PENDAFTARAN : 2.00 - 3.00 PETANG MASA TAKLIMAT : 3.00 - 3.30 PETANG TEMPAT : BILIK MESYUARAT TINGKAT 7 PEJABAT KPLB NEGERI JOHOR BGNN KWSP, JALAN DATO' DALAM 80000 JOHOR BAHRU, JOHOR (KEHADIRAN PENAMA DALAM SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN ADALAH DIWAJIBKAN)	MULA : 24 JUN 2019 (ISNIN) TAMAT : 1 JULAI 2019 (ISNIN) TEMPAT : PEJABAT KPLB NEGERI JOHOR TINGKAT 7 BGNN KWSP JALAN DATO' DALAM 80000 JOHOR BAHRU JOHOR	1 JULAI 2019 (ISNIN) MASA : 12.00 TENGAHARI HARI TEMPAT : PETI SEBUT HARGA PEJABAT KPLB NEGERI JOHOR TINGKAT 5 BGNN KWSP, JALAN DATO' DALAM 80000 JOHOR BAHRU JOHOR

2. Waktu urusan pertanyaan mengenai sebut harga adalah seperti berikut :

HARI	WAKTU
Ahad hingga Rabu	9.00 pagi - 12.30 tengah hari dan 2.30 petang - 4.00 petang
Khamis	9.00 pagi - 12.30 tengah hari

3. Kontraktor yang hadir ke Taklimat Sebut Harga/Taklimat Tapak, hendaklah membawa bersekali Sijil-sijil **ASAL** dan **SALINAN** (tidak akan dikembalikan) **Sijil Perakuan Pendaftaran** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** daripada **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dan **Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera** daripada **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**.
4. Setiap Kontraktor yang hendak memasuki sebut harga **DIWAJIBKAN HADIR** ke Taklimat Sebut Harga/Taklimat Tapak. Selaras dengan arahan di dalam Pekeliling Perbendaharaan, PK2.1, Kontraktor yang menghadiri taklimat sebut harga/taklimat tapak **MESTILAH** terdiri daripada **PEMILIK/PENAMA** dan **TIDAK BOLEH MEWAKILKAN** pegawai selain daripada penama dalam sijil.
5. Dokumen Sebut Harga tidak akan dikeluarkan selepas tarikh dan waktu tawaran ditutup seperti di atas.
6. Dokumen sebut harga yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dan dituliskan dengan nombor sebut harga dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat berikut :
**PEJABAT KPLB NEGERI JOHOR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
TINGKAT 5, BANGUNAN KWSP
JALAN DATO' DALAM
80000 JOHOR BAHRU
JOHOR**
7. Dokumen Sebut Harga yang **LEWAT** diterima tidak akan dipertimbangkan.
8. Pejabat KPLB Negeri Johor tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak.